

**TEKS UCAPAN PERASMIAN PENGARAH
YANG BERUSAHA LT. KOL. NORIZAM BIN
SEKAK**

PROGRAM PODCAST BORAK KOPI PMM

**DEWAN PLATINUM, POLITEKNIK MERLIMAU
MELAKA**

30 JULAI 2026

8.00 AM

**Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih saudara/saudari
Pengerusi Majlis.**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

**Salam Melakaku Maju Jaya Rakyat Bahagia Menggamit
Dunia,**

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Melaka Sayang Rakyat,

Salam #PMMWarriors.

**YANG BERUSAHA PUAN FARIDATULJANA BINTI MOHD
NOOR**

Timbalan Pengarah (Akademik)

YANG BERUSAHA TS. ZAN AIZUWAN BIN ZAINAL ABIDIN

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)

YANG BERUSAHA ENCIK MOHD ZAIDI BIN SARIP

Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti

YANG BERUSAHA ENCIK ASWANDI BIN MOHD SAIM

Pengerusi Persatuan Alumni PMM

YANG BERUSAHA BARISAN PANEL-PANEL JEMPUTAN

Encik Muhammad Ubaidillah

Encik Nur Muhamad Fuad Farizul

Dr Ahmad Sahir bin Jais

Yang juga merupakan alumni PMM. Ibarat “sirih pulang ke gagang,” kata peribahasa Melayu.

Barisan Pensyarah,

Serta Pelajar yang dikasihi.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada hari ini dalam Program **Podcast Borak Kopi PMM** yang dianjurkan oleh Jabatan Pelancongan & Hospitaliti dengan kerjasama Persatuan Alumni Politeknik Merlimau Melaka.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur khususnya para pelajar DEV Semester 2 yang telah bertungkus-lumus merancang dan melaksanakan program ini.

Komitmen, kreativiti serta semangat kerja berpasukan yang ditunjukkan membuktikan bahawa pelajar PMM bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah mampu mengendalikan program yang memberi impak kepada komuniti kampus.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Program Borak Kopi PMM ini merupakan satu platform yang amat bermakna kerana ia menghimpunkan alumni, pensyarah dan pelajar dalam suasana yang santai namun penuh dengan nilai ilmu dan pengalaman. Melalui sesi perkongsian sebegini, pelajar berpeluang mendapatkan gambaran sebenar tentang dunia pekerjaan, cabaran industri serta peluang kerjaya yang menanti selepas tamat pengajian.

Kehadiran panel jemputan yang merupakan Alumni PMM menjadi bukti bahawa institusi ini telah berjaya melahirkan graduan yang berkemahiran, berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan industri. Pengalaman dan kejayaan yang dikongsikan oleh alumni pastinya menjadi sumber inspirasi kepada para pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Seiring dengan hala tuju pendidikan TVET masa kini, program sebegini memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubungan antara institusi dan alumni, selain memperkasakan jaringan profesional serta meningkatkan kebolehpasaran graduan. Di samping itu, program ini turut menyokong usaha melahirkan graduan yang bukan sahaja memiliki pengetahuan dan kemahiran teknikal, tetapi juga kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan dan keyakinan diri.

Saya berharap para pelajar dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ada pada hari ini dengan berinteraksi secara aktif, bertanya soalan dan mengambil iktibar daripada pengalaman yang dikongsikan oleh para panel. Jadikan sesi ini sebagai inspirasi untuk merancang masa depan dengan lebih jelas dan berkeyakinan.

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh jawatankuasa penganjur, khususnya pelajar DEV2, JKC Alumni PMM, Para pensyarah, Persatuan Alumni PMM serta semua pihak yang telah menyumbang tenaga dan usaha bagi menjayakan program ini.

Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya **merasmikan Program Podcast Borak Kopi PMM**.

Sekian, **Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.**